



LAPORAN TAHUNAN

Pusat Transformasi Insan, Universiti Sains Malaysia

2023

ISI KANDUNGAN

1.0	Profil Korporat	
1.1	Dashboard Strategik PTi	1
1.1	Pelan Strategik PTi	2
1.2	Carta Organisasi	3
1.3	Fungsi Unit	4
2.0	Kompetensi TERAS	
2.1	Pelaksanaan Program	5 - 10
2.2	Program Latihan ICT	11
3.0	Kompetensi FUNGSIAN	
3.1	Pengenalan	12
3.2	Pelaksanaan Program	13
4.0	Laporan Kemajuan Program Latihan lain-lain	
4.1	Tabung Latihan Staf Pentadbiran (TLSP)	14
4.2	Program Pengkayaan Bakat - <i>Administrative Outreach Program</i> (AOP)	15 - 16
4.4	<i>Credential Training Programme</i> (CTP)	
	i. Program Pemantapan Bahasa Inggeris Staf Pelaksana	17
	ii. <i>Data Driven Decision Making</i>	18
	iii. Penyeliaan Efektif	19
	iv. <i>Strategic Data Driven Management</i>	20
4.5	<i>Leadership Talk Series 2023</i>	21
4.6	Syarahan Pentadbir	22
4.7	Program Transformasi Minda	23
4.8	Program Nilai	24
4.9	Program Motivasi SPM	25
5.0	Pembangunan Modul Latihan	26
6.0	Pengumpulan MATA CPD STAF	27 - 29

DASHBOARD STRATEGIK

PUSAT TRANSFORMASI INSAN 2023

Sumber MyRegistry 14 Disember 2023



**100%
SELESAI**

**0%
DALAM PROSES**

**0%
BELUM MULA**



**14
OBJEKTIF**



**65
STRATEGI**



**14
INISIATIF**

PELAN STRATEGIK

PUSAT TRANSFORMASI INSAN

VISI

Membangunkan Bakat Berprestasi Tinggi Untuk Kelestarian Masa Hadapan

MISI

Membangun, memperkasa dan menyediakan bakat yang kompeten berteraskan kompetensi dan rukun nilai USM yang membudayakan kerja berprestasi tinggi sejajar dengan Misi dan Visi USM.

S01

PEMBANGUNAN BAKAT

Memperkasa kompetensi teras dan fungsian sebagai suri teladan yang berupaya memenuhi keperluan pentadbiran jabatan merentasi skim perkhidmatan

S02

PEMANTAPAN PROGRAM LATIHAN

Meningkatkan akses program pembangunan bakat melalui medium atas talian dan konvensional yang menyeluruh dan berdaya saing untuk kecemerlangan institusi

S03

NILAI USM

Mentransformasi keupayaan bakat berprestasi tinggi yang berteraskan nilai-nilai USM serta memahami visi, misi dan aspirasi masa hadapan Universiti

S04

KELESTARIAN BAKAT

Memperkasakan bakat melalui program latihan berimpak bagi memastikan kelestarian bakat yang berterusan

PEOPLE@PTI



Roslan Ismail
Pengarah
Pusat Transformasi Insan



Nurul Izzati Rozali
Ketua Penolong Pendaftar
Pusat Transformasi Insan
Kampus Induk



Nadzira Md. Naziar
Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Transformasi Insan
Kampus Induk



Syuhazlina Marini Awg. Mat
Timbalan Pendaftar
Pusat Transformasi Insan
Kampus Kesihatan

PEMBANGUNAN KOMPETENSI FUNGSIAN & MYCPD

PEMBANGUNAN KOMPETENSI TERAS & PENJANAAN KEWANGAN

KAMPUS INDUK

- Mohd Hasrul Hamzah
Penolong Jurutera
- Farizi Hafiz Ramli
Pembantu Tadbir (P/O)
- Afnan Munir Abdul Manan
Pembantu Tadbir (P/O)
- Norfadelina Abdullah
Pembantu Tadbir (P/O)
- Zarina Mansor
Pembantu Tadbir (P/O)
- Nur Azirah Aznan
Pembantu Setiausaha
- Nor Azzila Yahya
Pembantu Tadbir (P/O)
- Mohamad Hafiz Mohamad Nazeri
Pembantu Tadbir (P/O)
- Aimi Ayuni Uda
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
- Nurulhasna Hasan
Pereka
- Norizal Hamad
Pembantu Operasi
- Mohd Yusmar Mohamed Yusoff
Pembantu Operasi

KAMPUS KESIHATAN

- Ahmad Zulqarnain Ismail
Penolong Pegawai Tadbir
- Nur Maria Hashim
Penolong Pegawai Tadbir
- Nurul Hanis Hamid
Penolong Pegawai Tadbir
- Ab Malek Md Amin
Pembantu Tadbir (P/O)
- Arina Arifin
Pembantu Tadbir (P/O)
- Maimunah Hassan
Pembantu Tadbir (P/O)
- Sariaah Abdul Samad
Pembantu Tadbir (P/O)
- Muhammad Saifulah Sakri
Pembantu Tadbir (P/O)
- Mohamad Syazwan Sharif @ Mustaffa
Pembantu Tadbir (P/O)
- Ihsan Ariffin
Pembantu Tadbir (P/O)

FUNGSI UNIT

PUSAT TRANSFORMASI INSAN

UNIT PEMBANGUNAN KOMPETENSI FUNGSIAN DAN MYCPD

UNIT PEMBANGUNAN KOMPETENSI TERAS DAN PENJANAAN KEWANGAN



Dasar Latihan

Memastikan Dasar Latihan USM iaitu setiap staf diwajibkan menjalani aktiviti latihan CPD setahun dapat dilaksanakan



Pembangunan Bakat

Memastikan perancangan dan pemantauan program latihan USM dilaksanakan secara sistematik dan memenuhi keperluan pembangunan bakat dan kompetensi staf USM



PTM

Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Program Latihan Kompetensi Teras dan Fungsian bagi staf bukan akademik serta Kursus Wajib (Program Transformasi Minda)



ICT

Membangunkan roadmap latihan Kompetensi Teras (ICT) dan Fungsian berdasarkan skim dan gred perjawatan untuk pembangunan bakat yang sistematik dan komprehensif



Penilaian

Membangunkan instrumen penilaian keberkesanan program latihan bagi tujuan peningkatan kualiti latihan dan pembangunan bakat



Pemasaran

Menyelaras aktiviti latihan di media sosial rasmi PTI (facebook), Laman Web dan mengumpulkan bahan bergambar serta video latihan sebagai arkib rujukan USM



Promosi

Menyelaras dan mempromosi pelaksanaan program latihan melalui laman web rasmi PTI dan kalendar latihan USM



Perhubungan Strategik

Mewujudkan perhubungan strategik pembangunan bakat antara PTJ USM dan agensi luar



TLSP

Tabung Latihan Staf Pentadbiran



Maklumbalas

Memastikan maklumbalas dan cadangan dari pelanggan mengenai Perkhidmatan latihan diselarasakan dengan lancar dan memenuhi keperluan kompetensi



KIK

Menguruskan Konvensyen Kreatif dan Inovatif peringkat USM dan Kebangsaan

PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS

Kompetensi teras adalah kompetensi yang diperlukan oleh semua staf USM melibatkan semua kumpulan dan gred perjawatan bagi mencapai pelan strategik, Misi dan Visi Universiti. Latihan kompetensi teras dilaksanakan secara berfokus bertujuan untuk merapatkan jurang kompetensi dan ianya dilaksanakan melalui kaedah bersemuka dan dalam talian di ketiga-tiga kampus melibatkan kepakaran dalaman dan pihak luar.

92
BERSEMUKA
PESERTA
14877



28
DALAM TALIAN
PESERTA
7893



**JUMLAH
PESERTA
23978**



**JUMLAH
PROGRAM
120**

STATISTIK MENGIKUT
KOMPETENSI TERAS

JUMLAH
PROGRAM

BERSEMUKA

e-MyCPD

STATISTIK MENGIKUT KOMPETENSI TERAS	JUMLAH PROGRAM	BERSEMUKA	e-MyCPD
LEADING CHANGE	1	1	-
NETWORKING & LIAISING	2	2	-
MANAGING RESOURCES	18	15	3
COMMUNICATION	17	15	2
STRATEGIC THINKING	-	-	-
PROBLEM SOLVING	16	8	8
SERVICE DELIVERY	66	51	15
JUMLAH KESELURUHAN	120	92	28

PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS (SERVICE DELIVERY)

Agenda pembangunan bakat universiti giat dilaksanakan antaranya melalui pelaksanaan program latihan kompetensi teras Penyampaian Perkhidmatan yang telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Program ini dijalankan sebanyak 6 siri yang melibatkan staf Kumpulan Pelaksana di Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan. Seramai 273 staf telah hadir dan memberi komitmen penuh sepanjang program berlangsung.

Pengisian program memberikan tumpuan terhadap aspek kualiti penyampaian perkhidmatan yang mantap berorientasikan pengurusan pelanggan yang professional dan tadbir urus yang baik. Peserta didedahkan dengan teknik komunikasi secara berkesan dan jelas dalam menyampaikan idea, maklumat, maklumbalas dan kreativiti dalam penyelesaian konflik semasa berurusan dengan pelanggan. Penerapan nilai A.S.U.H yang menjurus kepada pembinaan dan pengkayaan bakat staf menerusi gabungan elemen pengetahuan, kemahiran dan keupayaan staf juga menjadi sebahagian daripada kandungan program.



PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS (KOMUNIKASI)

Komunikasi berperanan penting dalam kejayaan sesebuah organisasi. Komunikasi perlu bersifat dua hala bagi memberikan hasil yang berkesan bagi melahirkan pemimpin yang berwibawa dan berimpak.

Demi memastikan warga universiti sentiasa memantapkan aspek komunikasi dalam perkhidmatan, Pusat Transformasi Insan (PTI) terus konsisten menganjurkan program Kompetensi Teras: Komunikasi yang berfokus kepada staf kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran). Sebanyak tiga (3) siri program telah diadakan di Kampus Induk iaitu pada 8,10 dan 15 Ogos 2023, manakala satu (1) siri diadakan pada 22 Ogos 2023 di Kampus Kesihatan melibatkan seramai 125 peserta.

Keseluruhan aktiviti program berfokus kepada usaha memantapkan komunikasi bagi kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Pelbagai aktiviti dilakukan antaranya kaedah menyampaikan idea, maklumat dan perancangan, proses pembuatan keputusan dalam kumpulan dan aktiviti komunikasi efektif dalam organisasi.



INDUK
3
SIRI



KESIHATAN
1
SIRI



SIRI 1
31



SIRI 2
30



SIRI 3
35



SIRI 4
29

**BILANGAN
PESERTA**

125

PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS MANAGING RESOURCES FOR YOUNG ACADEMIC

Pengurusan Sumber merupakan antara kompetensi teras yang perlu dikuasai oleh pensyarah muda bagi memastikan pencapaian hala tuju organisasi melalui pengurusan sumber sedia ada secara kreatif, inovatif dan berintegriti.

Bagi merealisasikan agenda strategik seperti di atas, Pusat Transformasi Insan (PTi) telah menganjurkan program *Managing Resources for Young Academic* sebanyak 4 siri di Kampus Induk dan Kampus Kesihatan yang melibatkan staf akademik yang berkhidmat dalam tempoh 5 tahun dan ke bawah. Secara umumnya antara tujuan utama program ini adalah bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran staf dalam aspek pengurusan sumber merangkumi pengurusan geran penyelidikan, maklumat, data, sumber manusia dan kewangan.

Program ini dijalankan sepenuhnya berdasarkan Modul Pengurusan Sumber yang telah dibangunkan oleh PTi dengan kerjasama Pusat Pengajian Pengurusan. Modul ini akan menjadi sumber rujukan utama dalam konteks pengurusan sumber bagi kumpulan pengurusan atasan dan staf kumpulan pengurusan & professional.

Profesor Dr. Noor Hazlina Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan selaku penceramah utama program berkongsi penggunaan teknik *bricolage* sebagai salah satu kaedah dalam pengurusan sumber yang boleh diaplikasi oleh staf akademik. Penguasaan data juga memainkan peranan utama bagi mengenalpasti kekuatan sumber organisasi sedia ada yang dapat digunakan dalam proses pembuatan keputusan. Selain itu, peserta didedahkan juga dengan kemahiran *Sharp and Smart skills* bagi mengtransformasi lanskap pengurusan sumber ke arah yang lebih informatif dan efektif.



PELAKSANAAN LATIHAN

ACCELERATING HIGH-POTENTIAL LEADERS (A-LEAD)

Selaras dengan Pelan Strategik Rancangan Strategik Universiti Sains Malaysia (USM) 2022-2024 yang bertujuan untuk membangunkan bakat yang kompetitif bagi memenuhi keperluan negara dan global, Pusat Transformasi Insan (PTI) USM telah menganjurkan Program *Accelerating High-Potential Leaders* (A-LEAD) yang dikhususkan kepada kepada Timbalan Ketua Jabatan USM.

Program yang julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk memantapkan kompetensi pengurusan sumber secara efektif dan kreatif melalui penggunaan sumber sedia ada di jabatan masing-masing yang dapat menyumbang kepada kecemerlangan Universiti.

Pengarah Pusat Transformasi Insan, En. Roslan Ismail berkongsi melalui ucapan aluannya mengenai kerangka kompetensi Pembangunan Bakat yang melibatkan tujuh kompetensi teras, yang mana fokus utama kepada staf kumpulan Pengurusan & Profesional adalah kepada kompetensi pengurusan sumber dan pemikiran strategik.

Program ini telah berlangsung sebanyak 2 siri iaitu pada 6 hingga 7 September 2023 dengan melibatkan seramai 29 orang Timbalan Ketua Jabatan manakala siri ke 2 ialah pada 12 hingga 13 September 2023 dengan penglibatan seramai 43 peserta.



SIRI 1
29



SIRI 2
43

**BILANGAN
PESERTA**

72

PELAKSANAAN LATIHAN

STRATEGIC LEADERSHIP PROGRAMME (E-LEAD)

Strategic Leadership Programme (E-LEAD) yang telah berlangsung pada 15 September 2023 di Bertam Resort, Pulau Pinang bertujuan bagi memantapkan kompetensi kepimpinan dan pengurusan sumber strategik secara efektif dan efisien dalam kalangan Ketua Jabatan.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed dalam ucapan perasmianya menekankan peranan utama Ketua Jabatan sebagai *people support system* yang paling penting kepada Universiti dan antara perkara yang perlu dilihat secara serius ialah aspek pelan penggantian bagi pembangunan bakat berpotensi tinggi untuk barisan kepimpinan masa hadapan.

Naib Canselor juga menekankan warga USM tidak kira staf akademik, pentadbir mahupun pelajar perlu bersifat *egalitarian*, berilmu dan berbudaya tinggi agar *visibility* USM dapat ditonjolkan dan keupayaan USM diyakini di peringkat antarabangsa.

Program ini dibangunkan secara khusus oleh Pusat Transformasi Insan dengan kerjasama Pusat Pengajian Pengurusan dan turut menampilkan Pendaftar USM sebagai penceramah bagi slot pelan penggantian kepimpinan PTJ. Seramai 73 Ketua Jabatan Pentadbiran & Akademik telah hadir sepenuhnya sepanjang 2 hari program.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada perancangan berstruktur untuk meningkatkan kompetensi kepimpinan Ketua Jabatan ke arah pencapaian pelan strategik, Misi dan Visi Universiti.



INDUK KEJURUTERAAN

62



KESIHATAN

7



BILANGAN PESERTA

4

73

73

PELAKSANAAN LATIHAN

PROGRAM ICT

Selari dengan pelancaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia MyDIGITAL, 2020 telah menggariskan 6 teras utama terutamanya dalam pemerkasaan Teras 1 iaitu Memacu Transformasi Digital Sektor Awam dan antaranya adalah 100% penjawat awam celik digital dan 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian.

Bagi merealisasikan sasaran MyDIGITAL ini, Universiti telah mengambil inisiatif untuk mengaktifkan semula Dasar Pengumpulan Mata CPD ICT kepada Staf Pentadbiran dan telah memperkenalkan 8 bidang utama berteraskan ICT dalam memastikan staf sentiasa kompeten dalam penyampaian perkhidmatan. Latihan ICT ini dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bagi ketiga-tiga kampus.



JUMLAH PROGRAM
128



JUMLAH PESERTA
10256

KOMPETENSI FUNGSIAN

Kompetensi Fungsian merupakan kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam skim perkhidmatan staf. USM mempunyai 17 skim perkhidmatan utama pentadbiran merangkumi skim A sehingga skim W. Pusat Transformasi Insan telah melantik 23 Ketua skim dan 68 penyelaras skim bagi membantu merancang dan melaksana latihan kompetensi fungsian mengikut roadmap latihan skim masing-masing.



PELAKSANAAN

KOMPETENSI FUNGSIAN (sehingga 15 November 2022)


46
BERSEMUKA



18
DALAM TALIAN



JUMLAH PROGRAM
64



TABUNG LATIHAN STAF PENTADBIRAN (TLSP)

PUSAT TRANSFORMASI INSAN

Pengenalan

TLSP merupakan satu kemudahan yang diberikan oleh pihak Universiti kepada staf pentadbiran bagi peningkatan kompetensi dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Tabung ini berfungsi sebagai dana bagi membiayai staf pentadbiran mengikuti kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh penyedia/agensi latihan luar.

OBJEKTIF






Memantapkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan staf berdasarkan keperluan kompetensi teras dan fungsian.



Peningkatan kompetensi melalui kursus anjuran agensi latihan luar

STATISTIK PELAKSANAAN

TABUNG LATIHAN STAF PENTADBIRAN (TLSP)



PROGRAM PENGKAYAAN BAKAT

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)


AOP merupakan kemudahan yang diberikan oleh Universiti kepada staf pentadbiran (Pengurusan & Professional dan Pelaksana) dalam tempoh tertentu untuk memperoleh pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan terkini pentadbiran atau bidang yang bersangkutan dengan tugas hakiki staf terlibat. Bidang fokus utama AOP adalah peningkatan penyampaian perkhidmatan yang merupakan salah satu Kompetensi Teras Universiti.

OBJEKTIF

Membentuk budaya kerja berprestasi tinggi dan inovatif berteraskan penyelesaian masalah melalui kajian kes bagi pementapan penyampaian perkhidmatan

Mewujudkan staf yang cemerlang, bermotivasi dan berfikiran strategik melalui perancangan pembangunan bakat yang berstruktur selaras dengan misi dan visi Universiti.

Memberi pendedahan minda dan perkongsian ilmu tanpa sempadan seterusnya membentuk jaringan kerjasama dan kepakaran staf dengan komuniti luar.



PELAKSANAAN

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)

BILANGAN PESERTA

2
LUAR
NEGARA



1
DALAM
NEGARA

Program Pembangunan bakat



69

UNIVERSITI/AGENSI	SKOP AOP/PENYEDIA LATIHAN	BILANGAN PESERTA
	Library Attachment and Benchmarking Visit Bodleian libraries, University Oxford & University of Sheffield Library, Sheffield	2
	Membangunkan Kaedah Analisis Untuk Keperluan Prnlab, Pusat Racun Negara Shimadzu Malaysia Sdn. Bhd.	1
	High Performance Work Culture AJM International Academy	35
	Result Driven Influencing Skills AJM International Academy	34

PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

PEMANTAPAN BAHASA INGGERIS KUMPULAN PELAKSANA


**INDUK,
 KEJURUTERAAN &
 IPPT
 62**


**KESIHATAN
 53**

CTP: Pemantapan Bahasa Inggeris kepada Kumpulan Pelaksana dirangka berteraskan Kompetensi Communication yang merupakan salah satu daripada Kompetensi Teras USM. CTP ini merupakan antara inisiatif Universiti bagi pemantapan pembangunan bakat yang lebih strategik dan berfokus ke arah penyampaian perkhidmatan Universiti yang berkualiti.

Pada tahun 2023 CTP telah diadakan pada 18 – 20 September 2023 September kepada Staf Kumpulan Pelaksana Gred 11 – 14. Seramai 115 peserta terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan, dan gred jawatan di ketiga-tiga kampus telah berjaya melengkapkan keseluruhan siri latihan yang telah dijalankan pada tahun ini.

Program ini dijalankan dengan kerjasama Pusat Bahasa, Literasi & Terjemahan, USM.



PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

DATA DRIVEN DECISION MAKING

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

MODUL LATIHAN

DATA DRIVEN DECISION
MAKING USING MICROSOFT
EXCEL & EXCEL SOLVER

MANAGEMENT INSIGHTS

DATA VISUALIZATION AND
STORYTELLING

A GUIDE TO STRATEGIC
FORESIGHT

Credential Training Program (CTP) Data Driven Decision Making dibangunkan berfokus kepada Kompetensi Managing Resources dan bertujuan meningkatkan kompetensi pentadbir dalam penguasaan data dan statistik bagi mencapai pelan strategik Universiti.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan konsep, teknik dan membina kemahiran staf pelbagai kaedah statistik dalam menguruskan data, permodelan, visualisasi infografik, ramalan masa hadapan berdasarkan data untuk membuat keputusan

Seramai 83 orang Pegawai Pengurusan & Profesional Gred 41,44 & 48 telah terpilih untuk mengikuti program ini yang dijalankan sebanyak 3 siri berteraskan 4 modul latihan yang telah dibangunkan



INDUK & KEJURUTERAAN & IPPT

51



KESIHATAN

32



INDUK
2
SIRI



KESIHATAN
1
SIRI



PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

PENYELIAAN EFEKTIF

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA

MODUL LATIHAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA & PENILAIAN PRESTASI

KOMUNIKASI PENYELIAAN

KAUNSELING & MOTIVASI

PROSEDUR PERUNDANGAN



INDUK
4
SIRI



KESIHATAN
2
SIRI

Pelaksanaan Program Pensijilan Profesional (CTP) telah diperluaskan dengan penambahan program baharu iaitu Penyeliaan Efektif. Program ini dilaksanakan sebanyak 6 siri bermula pada 31 Mei 2023 sehingga 8 Ogos 2023. Seramai 208 peserta telah dikenalpasti yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) dan Pelaksana yang telah dinaikkan pangkat pada 2021 & 2022 di Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan.

Pelaksanaan program ini merupakan antara inisiatif Universiti dalam memantap dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran staf dalam bidang penyeliaan yang merangkumi aspek komunikasi, pengurusan sumber manusia, penilaian prestasi dan tatatertib staf. Kemahiran ini amat penting dalam memastikan peranan penyelia dalam aspek penetapan sasaran kerja tahunan, penasihat dan penilaian prestasi dapat dilaksanakan dengan efektif. Tiga komprehensif modul CTP Penyeliaan Efektif telah dibangunkan merangkumi 4 topik utama iaitu pengurusan sumber manusia & penilaian prestasi, komunikasi penyeliaan, kaunseling & motivasi dan prosedur perundangan.

BILANGAN PESERTA



208

INDUK & KEJURUTERAAN = 141
KESIHATAN = 67

PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)

145

PELAKSANA

63



PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

STRATEGIC DATA DRIVEN MANAGEMENT KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL (GRED 52 – 54)


**INDUK,
KEJURUTERAAN,
IPPT & KESIHATAN
27**

CTP: Strategic Data Driven Management dibangunkan berteraskan kepada Kompetensi Strategic Thinking dan berfokus kepada Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 52-54. Program yang mula diperkenalkan pada tahun 2023 ini bertujuan untuk memantapkan kompetensi staf P&P (Pentadbiran) dalam penganalisaan, visualisasi dan interpretasi data bagi proses pembuatan keputusan yang berimpak.

Seramai 27 Peserta yang terdiri daripada pegawai Gred 52 % 54 daripada pelbagai skim dan telah mengikuti program ini dengan berfokus kepada 4 modul yang telah dibangunkan.

- i. Business Analytics and Data - Driven Management
- ii. Predictive Analytics and Machine Learning
- iii. Strategic Innovation and Entrepreneurial Thinking
- iv. Strategic Foresight and Futures Thinking



LEADERSHIP TALK SERIES 2023

Leadership Talk Series merupakan program perkongsian kepakaran dan ilmu pengetahuan melibatkan tokoh ternama tanahair. Perkongsian ini adalah dalam aspek kepimpinan dan pentadbiran di Malaysia yang membicarakan berkaitan agenda pembangunan bakat staf berprestasi tinggi berteraskan kepada Kompetensi Teras USM.

Leadership Talk Series pada tahun ini telah diadakan sebanyak 2 siri dengan menampilkan YBhg. Tan Sri Jamaludin Ibrahim, Pengerusi AirAsia Aviation Group Limited pada Siri 1 dan YBhg. Dato' Sri Idris Jala, Pengerusi & Presiden PEMANDU Association pada Siri 2. Program ini telah dihadiri oleh warga USM yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Universiti, Ketua-Ketua Jabatan dan staf USM.



SIRI 1
300



SIRI 2
100

LEADERSHIP TALK SERIES 2/2023

DATO' SRI IDRIS JALA
Chairman & President
PEMANDU Associates

TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP IN HIGHER EDUCATION

Date: 1st December 2023 (Friday)
Time: 8:45 am – 12:00 noon
Venue: Dewan Perhimpunan, Universiti (DPU)
Dress Code: Smart Casual

MyCPD
MyCPD points will be given to USM staff

This sharing session will emphasize the 5i-Secrets to Transformational Leadership, from his own personal experiences in government sector and the corporate world to offer fascinating insights on what it really takes to deliver Big Fast Results Methodology. Pursuing the game of the impossible, to instilling a vigorous discipline of action, Dato' Sri Idris Jala's 5i-Secrets to Transformational Leadership provides:

- Top 10 most influential policy makers in the world
- Advisory panel for the World Economic Forum & World Bank
- Chairperson for National Policy Review Committee for

Leadership Talk Series 1/2023

YBhg. Tan Sri Jamaludin Ibrahim
Chairman, AirAsia Aviation Group Limited
Eminent Industry Fellow USM

Leadership in 4IR Era

Kumpulan Sasaran
Pengurusan & Profesional



SYARAHAN PENTADBIR

Syarahan Pentadbir adalah platform sesi perkongsian pengalaman dan kepakaran pentadbir universiti dalam konteks kepimpinan, mentoring, coaching dan peningkatan kecekapan proses. Syarahan Pentadbir mula diperkenalkan pada tahun 2022 dengan membawakan pentadbir yang berpengalaman dan berkongsi idea dalam aspek pemantapan tabdir urus, kompetensi, inovasi dan perkara lain yang berkaitan dalam melonjak kualiti penyampaian perkhidmatan. Sebanyak 3 siri Syarahan Pentadbir telah dijalankan secara dalam talian pada tahun 2023.

Siri 1/2023 telah disampaikan oleh Dr. Normaliza Abdul Manaf, Timbalan Penyelaras Kampus Sejahtera, bertajuk 'SDGs (Sustainable Development Goals: Peranan Warga Staf dalam Penyemarakan Agenda APEX.' Manakala En. Fadhlul Irham, Pengarah, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi telah menyampaikan Siri 2/2023 dengan tajuk 'Cybersecurity: Isu & Cabaran.' Dr. Normala Abdul Wahid, Pegawai Perubatan Cred Utama, Hospital USM telah menyampaikan Siri 3/2023w dengan tajuk Enhancing Service Delivery with 3R Approach: Response, Respect & Responsibility.



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

Pusat Transformasi Insan telah mengadakan Program Transformasi Minda (PTM) sebanyak 3 Siri pada tahun 2023 kepada staf baharu sebagai salah satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Program yang diadakan secara bersemuka ini disertai kira-kira 17 orang peserta yang berlangsung selama 5 hari bermula 15 Mei 2023 hingga 19 Mei 2023. Di samping itu, peserta PTM kali ini turut melibatkan agensi luar daripada Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Manakala bagi Siri 2 dan Siri 3/2023 telah diadakan di Kampus Kesihatan pada 12 hingga 15 Mac melibatkan seramai 90 orang dan 26 hingga 30 November 2023 disertai seramai 124 orang di Dewan Peperiksaan, Kompleks Pentadbiran Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan USM.

Program ini dilaksanakan bagi memupuk nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan dalam menyesuaikan diri dalam Perkhidmatan Awam. Selain itu, program ini memfokuskan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat menyampaikan perkhidmatan dengan cekap serta berkesan. Program yang dirangka ini memberi pendedahan dalam aspek laluan kerjaya serta membantu pegawai dalam merancang kerjaya masing-masing pada masa hadapan.



BIL. PESERTA MENGIKUT KUMPULAN PENJAWATAN



231

PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)	8
AKADEMIK	28
PELAKSANA	195

PELAKSANAAN LATIHAN PROGRAM NILAI

Bagi memastikan kesejahteraan staf seimbang secara keseluruhannya dalam aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani, Pusat Transformasi Insan telah melaksanakan Program Nilai di bawah Flagship Minda Sejahtera sebanyak 3 siri pada tahun 2023.



SIRI 1
800



SIRI 2
1371



Siri 3
137

Dua (2) program diadakan pada bulan Ramadan dengan tajuk Ramadan Membina Kualiti & Nilai Insan oleh Dato' Ustaz Kazim Elias pada 10 April 2023 di Kampus Induk manakala di Kampus Kesihatan diadakan pada 19 April 2023 dengan tajuk Ramadan: Tercapaiakah KPI Kita? yang disampaikan oleh Ustaz Harryanto Rizal Rokman.

Pada 10 Oktober 2023 pula, program ini diadakan di Kampus Kesihatan disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Mohd Elyas bin Ismail dengan tajuk Amanah Dalam Tugas: Kalau Bukan Lillah Akan Lelah. Ketiga-tiga program ini telah dihadiri seramai 2308 orang staf.

RAMADAN: TERCAPAIKAH KPI KITA? - 202304...



PELAKSANAAN

SEMINAR MOTIVASI SPM

FORMULA PELAJAR CEMERLANG & SKILLS TO SCORE (STS)


**INDUK,
KEJURUTERAAN &
IPPT
55**


**KESIHATAN
58**

Pusat Transformasi Insan mengambil inisiatif menganjurkan program Seminar Motivasi Skills to Score untuk anak staf B40 yang akan menduduki peperiksaan SPM tahun 2023/2024 di Kampus Induk dan Kesihatan. Inisiatif ini julung kali diadakan di bawah flagship Minda Sejahtera untuk memastikan kesejahteraan staf seimbang secara keseluruhannya dalam aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani.

PTI berkolaborasi dengan Dr. Shukri Abdullah, pakar motivasi yang memberi penekanan kepada teknik & formula pelajar cemerlang. Teknik dan formula yang betul akan melonjakkan prestasi pembelajaran serta meningkatkan motivasi pelajar agar lebih berkeyakinan. Beliau juga turut berkongsi tips dan strategi bagi membimbing peserta menjadi lebih intelektual dan cemerlang dalam pelajaran di samping akhlak yang terpuji.

Seminar motivasi ini telah dihadiri oleh 113 pelajar iaitu 58 di Kampus Kesihatan manakala selebihnya di Kampus Induk.



PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN


Mulai tahun 2020, PTI telah mula bergiat aktif dalam penerbitan modul latihan sebagai panduan dan rujukan dalam pembelajaran dan pembangunan bakat staf USM. Sebanyak 10 buah modul telah dibangunkan pada tahun 2023.




PENGUMPULAN MATA CPD STAF 2023

(sehingga 14 Disember 2023)

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD KESELURUHAN



PERATUS PENGUMPULAN MATA CPD KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN PENJAWATAN




PENGUMPULAN MATA CPD STAF

(sehingga 30 November 2023)

2023


(sehingga 14 Disember 2023)

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS INDUK




■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS KESIHATAN



■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS KEJURUTERAAN




■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

PENGUMPULAN MATA CPD STAF

2023 (sehingga 14 Disember 2023)

PERBANDINGAN PENGUMPULAN MATA CPD MENGIKUT PENJAWATAN



	CUKUP MATA	TIDAK CUKUP MATA	TIADA MATA
— P&P	92%	7%	1%
— PELAKSANA	93%	6%	1%
— AKADEMIK	91%	7%	2%